

614:
GURU

1976

KUALA LUMPUR, 7 JULAI (BERNAMA)-SERAMAI 12,000 ORANG GURU KUMPULAN B1 DAN B2 TELAH MENERIMA TAWARAN KERAJAAN SEBANYAK DUA KENAIKAN GAJI, DEMIKIAN KATA MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

KEPUTUSAN TERSEBUT TELAH DISAMPAIKAN KEPADANYA OLEH WAKIL-WAKIL GURU-GURU TERSEBUT DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI.

DIBAWAH TAWARAN ITU, GURU-GURU TERSEBUT AKAN MENERIMA TUNGGAKAN GAJI ANTARA \$750 HINGGA \$1,040 MULAI 1 JANUARI TAHUN LALU.

KERAJAAN TERPAKSA MEMBAYAR SEBANYAK \$11.4 JUTA SEBAGAI BAYARAN GAJI KEBELAKANGAN DAN PERBELANJAAN TAHUNAN SEBANYAK \$5.79 JUTA.

DR. MAHATHIR BERKATA, TAWARAN ITU AKAN DILAKSANAKAN SEBERAPA SEGERA.

KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN PERTIMBANGAN TERHADAP SEGENAP ASPEK SEBELUM MEMBUAT KEPUTUSAN TERSEBUT.

TAMBAHNYA, BAGI KERAJAAN, PERTIKAIAN GURU-GURU KUMPULAN B1 DAN B2 ITU TELAH PUN SELESAI.

"KAMI TIDAK AKAN MENERIMA SEBARANG PERWAKILAN LAGI MENGENAI PERKARA TERSEBUT," KATANYA. -- BERSAMBUNG HM 1817

615:
GURU 2 KUALA LUMPUR

TAMBAHNYA, WAKIL-WAKIL DARI KESATUAN-KESATUAN GURU DAN PEGAWAI-PEGAWAI KEMENTERIAN PELAJARAN AKAN MENGADAKAN SATU PERTEMUAN TIDAK LAMA LAGI BAGI MEMBINCANGKAN CARA MELAKSANAKAN TAWARAN TERSEBUT.

PENGERUSI JAWATANKUASA TINDAKAN KEBANGSAAN YANG MEWAKILI GURU-GURU TERSEBUT, ENCIK S. RADHAKRISHNAN BERKATA, PENERIMAAN TAWARAN ITU DIBUAT DENGAN FAHAMAN BAHAWA PERKARA ITU AKAN DIBERIKAN PERTIMBANGAN OLEH SURUHANJAYA IBRAHIM ALI. -- BERNAMA HM 1819